



6 Januari 2022  
6 January 2022  
P.U. (A) 3

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PELABURAN DALAM PROJEK PENGKOMERSIALAN DAPATAN PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) 2022

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR INVESTMENT  
IN A PROJECT OF COMMERCIALISATION OF RESEARCH  
AND DEVELOPMENT FINDINGS) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PELABURAN DALAM PROJEK PENGKOMERSIALAN DAPATAN PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengkomersialan Dapatan Penyelidikan dan Kemajuan) 2022.**

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 7 November 2020.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“dapatan penyelidikan dan kemajuan” ertinya dapatan penyelidikan dan kemajuan bagi aktiviti atau keluaran bukan berasaskan sumber yang disenaraikan dalam Jadual dan dimiliki sepenuhnya oleh suatu institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam atau swasta di Malaysia;

“pelaburan” ertinya suatu pelaburan dalam bentuk wang tunai dalam suatu syarikat berkaitan yang syarikat berkaitan itu tidak mempunyai tanggungan untuk membayar balik, atau pegangan modal syer berbayar dalam bentuk tunai berkenaan dengan syer biasa dalam suatu syarikat berkaitan;

“pengkomersialan” ertinya suatu proses transformasi dapatan penyelidikan dan kemajuan kepada suatu produk atau proses yang mempunyai aplikasi perindustrian atau yang boleh dipasarkan;

“syarikat berkaitan” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang sekurang-kurangnya tujuh puluh (70) peratus daripada modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa dimiliki secara langsung oleh suatu syarikat yang membuat pelaburan dalam suatu projek pengkomersialan.

### **Potongan**

3. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya, suatu potongan hendaklah dibenarkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu amaun bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat semata-mata bagi maksud membiayai suatu projek pengkomersialan dapatan penyelidikan dan kemajuan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu dalam suatu syarikat berkaitan.

(2) Nilai pelaburan yang disebut dalam subkaerah (1) yang dituntut sebagai suatu potongan—

(a) hendaklah bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang sama bagi operasi aktiviti pengkomersialannya dan aset yang digunakan bagi aktiviti itu; dan

(b) tidak boleh dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari tarikh terakhir pelaburan dibuat jika pelaburan itu adalah dalam bentuk pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa.

(3) Tertakluk kepada subkaerah (4) dan (5), jika suatu syarikat telah membuat suatu pelaburan dalam bentuk pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa dan menuntut suatu potongan berkenaan dengan pelaburan itu di bawah subkaerah (1) menerima suatu amaun sebagai balasan bagi pelupusan saham itu, amaun yang diterima oleh syarikat itu hendaklah ditambah dalam menentukan pendapatan larasannya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang amaun itu diterima.

(4) Amaun yang disebut dalam subkaedah (3) tidak boleh melebihi jumlah keseluruhan potongan yang dibenarkan berhubung dengan pelaburan itu.

(5) Subkaedah (3) tidak terpakai jika pelupusan saham yang disebut dalam subkaedah (3) berlaku selepas lima tahun dari tarikh pelaburan terakhir dalam bentuk modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa yang dibuat dalam syarikat berkaitan.

### **Syarat bagi potongan**

4. Bagi melayakkan suatu potongan di bawah kaedah 3, syarikat yang menuntut potongan itu hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

- (a) permohonan bagi kelulusan projek pengkomersialan hendaklah diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 7 November 2020 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2025;
- (b) syarikat itu ialah suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016; dan
- (c) projek pengkomersialan hendaklah bermula dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

### **Pemberhentian potongan**

5. Jika pelaburan yang dibuat oleh suatu syarikat bagi maksud pengkomersialan dapatkan penyelidikan dan kemajuan diberikan potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini, potongan itu hendaklah terhenti dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang berhubung dengannya tempoh pengecualian cukai bagi syarikat berkaitan itu bermula sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atau Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengikut mana-mana yang berkenaan.